



MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI
KENYATAAN TAWARAN BIL.:02/2022

TARIKH IKLAN : 08 DEC 2021

1. Petender adalah dipelawa daripada kontraktor/pembekal yang berdaftar dengan **SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM), KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA (KKM)** yang tempoh sah laku sehingga 90 hari daripada tarikh tutup tender serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini untuk tender berikut:

Bil.	No. Tender	Tajuk Projek	Kategori	Pengkhususan	Harga (RM)
1.	MBIP / T / 01 / 2022	PERKHIDMATAN PENYEMBURAN KABUS, ULV SERTA PEMINYAKAN (LARVACIDING) BAGI PEMUSNAHAN NYAMUK AEDES DAN TEMPAT PEMBIAKAN JENTIK-JENTIK DAN PENANGKAPAN SERTA PEMUSNAHAN ANJING LIAR/TERBIAR DI DALAM KAWASAN MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI UNTUK TEMPOH 12 BULAN	KKM	220901	60.00
2.	MBIP / T / 07 / 2022	KERJA MENAIK TARAF ArcGIS ENTERPRISE KE VERSI TERKINI BESERTA PENYELENGGARAAN DAN LATIHAN UNTUK TEMPOH 36 BULAN MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI	KKM	210101 / 210102 / 210103 / 210104 DAN 210110	60.00
3.	MBIP / T / 08 / 2022	PERKHIDMATAN PENYEWAAN DAN PENYELENGGARAAN MESIN FOTOSTAT DAN MESIN PENCETAK PELAN SEHINGGA 31 DISEMBER 2025	KKM	221502	60.00

2. Dokumen sebut harga boleh dimuat turun dalam **Portal e-Perolehan** <http://eperolehan.mbip.gov.my> mulai **08 DEC 2021** sehingga **28 DEC 2021** selepas pembayaran dibuat. Pembayaran boleh dibuat melalui:
- Dalam bentuk **draf bank** daripada bank yang berlesen dan beroperasi di Malaysia atau kiriman **wang pos (money order)** atau **wang kiriman pos berpaling (postal order)** dan dibayar atas nama Majlis Bandaraya Iskandar Puteri. **Wang tunai** atau **cek tidak boleh diterima.**
 - Pembayaran atas talian melalui platform e-khidmat.

3. Dokumen tender hanya dikeluarkan kepada kontraktor / pembekal yang sah sahaja. Untuk maksud ini kontraktor / pembekal hendaklah berdaftar dengan sistem **e-Perolehan MBIP**.
4. Setiap tawaran tender hendaklah dikemukakan dalam **DUA (2) sampul surat berlakri (sealed)**.
 - **Sampul surat PERTAMA - CADANGAN KEWANGAN**
 - **Sampul surat KEDUA - CADANGAN TEKNIKAL**
5. Pada sampul surat **PERTAMA** perlu ditandakan di **sudut kiri sebelah atas** dengan **perkataan CADANGAN KEWANGAN** manakala pada sampul surat **KEDUA** perlu ditandakan di **sudut kiri sebelah atas** dengan **perkataan CADANGAN TEKNIKAL**.
6. Petender **tidak dibenarkan** meletak sebarang **nama, tanda atau logo syarikat** pada **CADANGAN TEKNIKAL**.
7. Dokumen - dokumen lain yang tiada kaitan dengan **CADANGAN TEKNIKAL** bolehlah dihantar bersama dengan **CADANGAN KEWANGAN**.
8. Kedua - kedua sampul tersebut **PERTAMA dan KEDUA** kemudiannya hendaklah dimasukkan ke dalam **SATU (1) sampul surat berlakri (sealed)** serta dimasukkan ke dalam peti tawaran di Unit Perolehan, Bangunan Kabin, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, Skudai sebelum atau pada tarikh 28 DEC 2021 jam **12.00 tengah hari**.
9. Sekiranya dokumen dihantar melalui khidmat pengeposan, kontraktor/pembekal adalah bertanggungjawab dalam memastikan dokumen tersebut dimasukkan ke dalam peti tawaran sebelum atau pada hari dan masa yang telah ditetapkan. Pihak majlis tidak bertanggungjawab atas sebarang kelewatan yang berlaku.



(DATO' HAJI MOHD HAFFIZ BIN HAJI AHMAD)
Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Iskandar Puteri

DHMH/MNMS/MAZ/anis(iklan tender)